A

Lai Weng Keat lwn Pendakwa Raya

B

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO A-05–15–01 TAHUN 2013
ABDUL WAHAB PATAIL, MOHTARUDIN BAKI DAN TENGKU MAIMUN HHMR
20 JANUARI 2014

C

Keterangan — Anggapan — Membunuh — Sama ada inferens berbangkit bahawa semasa melakukan rompakan tertuduh melakukan pembunuhan — Sama ada rompakan dan pembunuhan berlaku dalam satu transaksi sama — Sama ada inferens di bawah s 114(a) Akta Keterangan 1950 bertepatan — Akta Keterangan 1950 s 114(a)

D

Keterangan — Anggapan bertentangan — Kegagalan mengemukakan keterangan semasa perbicaraan — Catitan soal siasat — Sama ada cubaan pendakwaan untuk mengekang keterangan — Sama ada membawa padah kepada kes pendakwaan — Akta Keterangan 1950 s 114(g)

E

Keterangan — Watak tertuduh — Watak buruk — Kehadiran perayu di kejiranan tempat kejadian seminggu sebelum pembunuhan — Sama ada hakim bicara khilaf dalam membuat dapatan bahawa kehadiran perayu di tempat kejadian merupakan perancangan dan persediaan rapi perayu sebelum melakukan rompakan ke atas kedua-dua si mati — Akta Keterangan 1950 s 54

F

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Keterangan pendakwaan bergantung kepada ikut keadaan — Tiada saksi yang melihat pembunuhan — Sama ada kes pendakwaan dibuktikan tanpa keraguan munasabah — Sama ada hakim bicara khilaf kerana memindahkan beban pembuktian kepada perayu untuk memberi penjelasan — Sama ada kegagalan pendakwaan menghantar ekshibit kepada ahli kimia untuk dianalisis menjejaskan kes pendakwaan — Sama ada hakim bicara menilai keterangan pakar forensik mengenai kemungkinan dua orang terlibat — Sama ada hakim bicara gagal mengambil kira soal siasat yang dijalankan ke atas perayu — Sama ada ketiadaan catitan mengenai soal siasat suatu cubaan oleh pendakwaan untuk mengekang keterangan — Sama ada kegagalan pendakwaan memanggil saksi menjejaskan kes pendakwaan — Kanun Keseksaan ss 300(c) & 302 — Kanun Tatacara Jenayah s 180

G

H

I

Perayu telah dihadapkan dengan dua pertuduhan di bawah s 302 Kanun Keseksaan. Pertuduhan pertama adalah bahawa perayu telah melakukan suatu

pembunuhan dengan menyebabkan kematian Wong Mun Kin manakala pertuduhan kedua adalah kerana menyebabkan kematian Kong Poh Chooi. Kedua-dua pertuduhan merujuk kepada masa dan tempat yang sama. Menurut SP7, jiran si mati, bahawa pada malam kejadian, SP7 mendengar suara seorang perempuan menjerit beberapa kali mengatakan pencuri dari rumah tempat kejadian. SP9, C/Insp Helmi, yang sampai ke tempat kejadian telah membuat intipan ke dalam rumah tersebut melalui tingkap dapur dan telah melihat seorang lelaki mundar mandir memegang beg berwarna gelap. SP9 dan anggotanya telah berjaya memasuki rumah tersebut dan mayat si mati lelaki telah dijumpai di tingkat bawah. Manakala mayat si mati wanita pula dijumpai di tingkat satu. Perayu telah dijumpai berada tidak jauh dari mayat si mati wanita dalam keadaan duduk bertinggung bersembunyi di sebelah 'compressor aircond'. Perayu telah bertindak agresif dan melawan apabila hendak dipasangkan gari. SP9 telah merampas daripada perayu satu beg hitam yang didapati mengandungi, antara lain, wang, kad pengenalan, lesen memandu dan kad bank si mati, telefon bimbit jenama Samsung, kunci kereta berlambang Mercedes, sehelai kertas putih yang mengandungi catatan nombor kenderaan, seutas rantai warna keemasan yang mempunyai kesan darah, sebilah pisau serba guna yang juga mempunyai kesan seperti darah dan sarung tangan dengan kesan darah. Menurut keterangan SP17, pakar perunding kanan forensik, sebab-sebab kematian si mati Wong Mun Kim adalah *asphyxia due to pressure on the neck* manakala bagi si mati Kong Poh Chooi, sebab kematian adalah *multiple stab wounds*. Keterangan SP17 dan laporan post mortem juga menunjukkan bahawa terdapat kecederaan yang serius di bahagian kepala si mati Wong Mun Kin akibat dari kesan hentakan yang kuat. Di akhir kes pendakwaan, YA hakim bicara memutuskan bahawa semua keterangan yang telah dikemukakan menunjukkan hanya perayu sahajalah yang melakukan rompakan ke atas harta milik kedua-dua si mati dan semasa melakukan rompakan tersebut, perayu telah melakukan pembunuhan ke atas kedua-dua si mati. Setelah berpuashati di atas penilaian yang maksima bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes prima facie bagi kedua-dua pertuduhan terhadap perayu, perayu telah dipanggil membela diri. Perayu dalam pembelaannya menyatakan bahawa pada hari kejadian, semasa dia sedang berjoging, dia terdengar bunyi bising meminta tolong. Menurut perayu, dia telah nampak seseorang berlari keluar dari rumah si mati. Perayu mengatakan bahawa dia telah masuk ke rumah itu dan menjumpai mayat si mati. Setelah membuat penganalisaan ke atas keterangan pembelaan, YA hakim bicara merumuskan bahawa pembelaan perayu hanya berbentuk penafian terhadap penglibatannya dalam pembunuhan kedua-dua si mati. YA hakim bicara membuat penemuan fakta bahawa hanya perayu sahaja berada di dalam rumah tempat kejadian sewaktu si mati wanita Kong Poh Chooi menjerit. Dapatan ini dibuat berdasarkan keterangan SP6 dan SP7 yang merupakan saksi pertama sampai di rumah tempat kejadian yang mana YA hakim bicara mendapati mereka adalah saksi-saksi yang boleh dipercayai. YA hakim bicara juga mendapati keterangan SP6 dan SP7 disokong oleh hasil

siasatan SP13 di mana SP13 tidak menjumpai cap jari orang lain di dalam rumah tersebut kecuali cap jari perayu dan kedua-dua si mati sahaja. YA hakim bicara memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya tanpa keraguan yang munasabah. Perayu didapati bersalah dan dihukum gantung sampai mati, justeru rayuan ini. Di dalam rayuan perayu, isu-isu yang dibangkitkan oleh perayu, antara lain, adalah seperti berikut: (i) hakim bicara khilaf kerana memindahkan beban pembuktian kepada perayu untuk memberi penjelasan; (ii) hakim bicara gagal menilai keterangan pakar forensik mengenai kemungkinan dua orang terlibat; (iii) hakim bicara gagal mengambil kira soal siasat yang dijalankan ke atas perayu; (iv) kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan hasil soal siasat; (v) spesimen tulisan perayu; (v) kegagalan pihak pendakwaan memanggil Yohana; (vi) Kegagalan pihak pendakwaan menghantar beg P24 untuk analisis DNA.

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) Tiada apa-apa salah arah oleh hakim bicara mengenai beban pembuktian memandangkan pada akhirnya, hakim bicara telah memberi pertimbangan dan penilaian yang sewajarnya kepada keseluruhan kes pendakwaan yang mana terdapat keterangan yang boleh dipercayai untuk memanggil perayu membela diri. Peruntukan s 180 Kanun Tatacara Jenayah telah dipatuhi (lihat perenggan 37).

(2) Hakim bicara telah menilai keterangan SP17 mengenai kemungkinan terdapatnya dua orang yang terlibat dalam melakukan pembunuhan ini. SP17 tidak menyatakan secara pasti bahawa dua orang terlibat di dalam pembunuhan tersebut. Apa yang dinyatakan oleh pakar forensik itu adalah *one or more perpetrators involved here*. Oleh itu, mahkamah mendapati isu mengenai penilaian keterangan SP17 adalah tidak bermerit (lihat perenggan 40–41).

(3) Ketiadaan catitan mengenai soal siasat bukanlah suatu cubaan oleh pihak pendakwaan untuk mengekang keterangan dan bukan juga suatu yang membawa padah kepada kes pendakwaan. Seksyen 114(g) Akta Keterangan 1950 ('Akta') adalah tidak terpakai terhadap pihak pendakwaan bagi kegagalan mengemukakan hasil soal siasat. Mengambil kira pembelaan perayu bahawa dia tidak terlibat dengan jenayah yang dipertuduhkan, isu mengenai rakan sejenayah tidak timbul (lihat perenggan 43).

(4) Berdasarkan keterangan SP7, Yohana hanya berada di depan rumahnya sendirinya dan bukannya di depan rumah tempat kejadian. Tiada apa-apa keterangan yang menunjukkan peranan Yohana selain daripada namanya disebut oleh SP7 sebagai dilihat telah berada dipintu pagar rumahnya. Dalam keadaan itu Yohana bukanlah saksi yang material dan kegagalan pihak pendakwaan memanggil Yohana tidak menjejaskan kes pendakwaan (lihat perenggan 44).

(5) Keterangan mengenai kehadiran perayu di kejiranan tempat kejadian pada pendapat mahkamah bukanlah keterangan mengenai *bad character* perayu di bawah s 54 Akta. Dilihat bersama keterangan mengenai helaian kertas catatan yang mempunyai nombor kereta si mati dan alamat tempat kejadian yang didapati daripada milikan perayu pada masa beliau ditangkap di tempat kejadian, mahkamah berpendapat hakim bicara tidak khilaf dalam membuat dapatan bahawa kehadiran perayu di kawasan kejiranan seminggu sebelum pembunuhan berlaku adalah merupakan perancangan dan persediaan yang rapi yang dilakukan oleh perayu sebelum melakukan rompakan ke atas kedua-dua si mati (lihat perenggan 46).

[English summary

The appellant was charged with two charges under s 302 of the Penal Code. The first charge was that the appellant had committed murder by causing the death of one Wong Mun Kin while the second charge was for causing the death of one Kong Poh Chooi. Both charges referred to the same time and place. According to SP7, the deceased's neighbour, on the fateful night, SP7 heard the voice of a woman crying a few times that there was a robber in the house where the tragedy took place. SP9, C/Insp Helmi, who arrived at the scene, peeped on the inside of the house through the kitchen window and saw a man walking back and forth carrying a dark-colored bag. SP9 and his personnel managed to enter the house and the body of a male deceased was found on the ground floor. Meanwhile, the body of a female deceased was found on the first floor. The appellant was found to be not far from the female deceased's body in the position of squatting, hiding behind the aircond compressor. The appellant reacted aggressively and put up a fight while about to be handcuffed. SP9 seized from the appellant a black bag which was found to contain, inter alia, money, identification card, driving license and the deceased's bank card, Samsung handphone, a car key with a Mercedes emblem, a piece of white paper with a vehicle number written, a gold-ish bloodstained necklace, a pen knife which was stained with blood and glove with blood stains. Based on evidence, SP17, a senior forensic consultant, testified that the cause of the deceased Wong Mun Kim's death was multiple stab wounds. SP17's evidence and the post mortem report also showed that there was a serious injury on the deceased Wong Mun Kin's head due to the impact of a strong blow. At the end of the prosecution case, the trial judge held that all the evidences adduced illustrated that it was only the appellant who had committed robbery on the property belonging to both the deceased and while committing the said robbery, the appellant had committed murder to both the deceased persons. Satisfied on the maximum evaluation that the prosecution had established a prima facie case for both the charges brought against the appellant, the appellant was called to enter his defence. The appellant, in his defence stated that on the said day, he was jogging and had heard a noise of someone crying for help. According to the appellant, he had seen someone running out of the deceased's house. The

A appellant testified that he had entered the said house and found the deceased's body. Having analysed the defence evidence, the trial judge concluded that the appellant's defence was a mere denial as to his participation in the murder of both the deceased persons. The trial judge made a finding that it was only the appellant who was in the house when the female deceased Kong Poh Chooi B screamed. This finding was made based on SP6 and SP7's evidence who were the prime witness who had arrived at the house where the trial judge found them to be reliable witnesses. The trial judge also found that SP6 and SP7's evidence were corroborated by investigation report of SP13 in which SP13 had not found the fingerprints of others in the house except for the appellant's C fingerprint and both the deceased persons. The trial judge held that the prosecution had succeeded in proving its case beyond reasonable doubt. The appellant was found guilty and sentenced to hang to death, hence the present appeal. In the present appeal, the issues raised by the appellant, were, inter alia, that: the trial judge erred in shifting the burden of proof to the appellant to give D explanation; the trial judge failed to evaluate the forensic's evidence on the possibility that there were two persons involved; the trial judge failed to take into account the investigation carried out on the appellant; the prosecution failure to adduce the investigation results; the specimen of the appellant's handwriting; the prosecution failure to call upon Yohana; and the prosecution E failure to send bag P24 for DNA analysis.

Held, dismissing the appeal:

(1) There was no misdirection on the trial judge's part on the burden of proof since, in the end, the trial judge had given due consideration and F evaluation on the totality of the prosecution case in which there was a reliable evidence to call the appellant to enter defence. The provision of s 180 of the Criminal Procedure Code was complied with (see para 37).

(2) The trial judge had evaluated SP17's evidence on the possibility that there G were two persons involved in committing the murder. SP17 did not clearly mention that there were two people involved in the murder. What was testified by the forensic expert was that there was one or more perpetrators involved here. Therefore, the court found the issue on the evaluation of SP17's evidence was devoid of merit (see paras 40–41).

H

(3) The absence of notes on the investigation was not an attempt of the prosecution to suppress evidence and was also not something that caused fatality to the prosecution case. Section 114(g) of the Evidence Act 1950 was not applicable on the prosecution for their failure to adduce I investigation results. Taking into consideration the appellant's defence that he was not involved in the crime he was charged with, the issue of accomplice did not arise (see para 43).

(4) Based on SP7's evidence, Yohana was in front of her house by herself and not in front of the said house. There was no evidence which showed

Yohana's role except for the fact that her name was mentioned by SP7 to have been seen being in the front gate of her house. In such circumstance, Yohana was not a material witness and the prosecution failure to call upon Yohana did not affect the prosecution case (see para 44).

(5) The evidence on the appellant's presence at the neighbourhood where the incident took place was not bad character evidence under s 54 of the Act. In view with the evidence on a piece of paper which had the deceased's car number and the address of the crime scene which was found in the appellant's possession when he was caught at the scene, the court held that the trial judge did not err in finding that the appellant's presence in the neighborhood's vicinity a week before the murder took place was a plan and preparation which was done by the appellant before committing a robbery on both the deceased persons (see para 46).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kegagalan mengemukakan keterangan semasa perbicaraan, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2013 Reissue) perenggan 315.

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap sabitan dan hukuman, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2014 Reissue) perenggan 288–371.

Untuk kes-kes mengenai watak buruk, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2013 Reissue) perenggan 789–801.

Kes-kes yang dirujuk

Kiew Foo Mui & Ors v PP [1995] 3 MLJ 505; [1996] 1 CLJ 14, MA (dirujuk)

Krishna Rao Gurumurthi & Anor v PP [2007] 4 CLJ 643, MR (dirujuk)

Magendran a/l Mohan v PP [2011] 6 MLJ 1; [2011] 1 CLJ 805, MP (dirujuk)

Munusamy v PP [1987] 1 MLJ 492, MA (dirujuk)

PP v Dato' Seri Anwar bin Ibrahim & Anor [2001] 3 MLJ 193; [2001] 3 CLJ 313, MT (dirujuk)

Parlan bin Dadeh v PP [2008] 6 MLJ 19; [2009] 1 CLJ 771, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 ss 8, 114(a), (g)
Kanun Keseksaan ss 300(c), 302
Kanun Tatacara Jenayah s 180

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45–09 Tahun 2005 (Mahkamah Tinggi, Taiping)

Ranjit Singh Sandhu (G Kiru bersamanya) (Ranjit Singh Sandhu & Co) bagi pihak perayu.

Muhamad Iskandar bin Ahmad (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Tengku Maimun HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

[1] Perayu telah dihadapkan dengan dua pertuduhan di bawah s 302 Kanun Keseksaan. Pertuduhan pertama adalah bahawa perayu telah melakukan suatu pembunuhan dengan menyebabkan kematian Wong Mun Kin manakala pertuduhan kedua adalah kerana menyebabkan kematian Kong Poh Chooi. Kedua-dua pertuduhan merujuk kepada masa dan tempat yang sama iaitu di antara jam lebih kurang 9.30 malam 5 Julai 2005 sehingga jam lebih kurang 12.40 pagi 6 Julai 2005 di alamat No 49, Jalan 1, Taman Tasek Indah, Taiping, Perak.

KES PENDAKWAAN

[2] Pada 29 Jun 2005 Kpl Surendran ('SP8') mendapat maklumat mengenai lelaki yang mencurigakan berada di Lorong 29, Taman Tasik Indah. SP8 melakukan pemeriksaan ke atas lelaki tersebut (kemudiannya dicamkan sebagai perayu) dan mendapati bahawa perayu menunggang motosikal jenis Honda C60 warna hitam dengan nombor pendaftaran ACD 2146 dan perayu tinggal di alamat 657, Lorong Aulong, Taiping.

[3] Pada 5 Julai 2005 jam lebih kurang 9.30 malam, V Sivananthan a/l Veloo (SP7) yang tinggal di alamat No 55, Jalan 1, Taman Tasik Indah, Taiping mendengar jeritan 'minta tolong, pencuri' dari arah rumah No 49, Jalan 1, Taman Tasik Indah. SP7 keluar ke porch dan melihat jirannya Cik Yohana telah berada di pintu pagar rumahnya di No 53. SP7 keluar dan bergerak ke arah rumah No 49 dan apabila sampai di halaman rumah No 49, SP7 nampak pengawal keselamatan bernama En Rahman ('SP6'). SP7 meminta SP6 mengawal di belakang rumah No 49. Ketika SP7 sampai di halaman rumah No 49, beliau tidak nampak sesiapa keluar dari rumah tersebut.

[4] SP6 pergi di tempat kejadian selepas mendengar suara orang menjerit dari salah sebuah rumah di Jalan 1, ketika beliau sedang meronda. Sebaik sampai di sana dan diminta oleh SP7 untuk mengawal di belakang, SP6 telah ke bahagian belakang rumah No 49 di mana beliau mendengar orang mengerang dari tingkat atas rumah tersebut. Sepanjang SP6 berada di bahagian belakang rumah, SP6 tidak mendapati sesiapa pun di situ, namun SP6 ada ternampak kelibat manusia dari salah satu jerejak tembok (*wall gap*) rumah tersebut.

[5] Bertindak atas maklumat kejadian samun di rumah tersebut, beberapa orang anggota polis (termasuk SP8 dan C/Insp Helmi ('SP9') telah ke tempat kejadian. Pemeriksaan oleh anggota polis mendapati pintu pagar rumah No 49 tertutup tanpa dikunci tetapi pintu-pintu dan tingkap-tingkap di bahagian

hadapan dan belakang rumah berkunci. SP9 membuat tinjauan ke dalam rumah melalui tingkap dapur. SP9 dapati tiada lampu dipasang di tingkat bawah rumah tersebut tetapi ada cahaya yang SP9 percaya adalah dari lampu di tingkat atas rumah tersebut. Dengan cahaya tersebut, SP9 melihat seorang lelaki sedang berjalan mundar mandir sambil memegang sebuah beg berwarna gelap di tangan kirinya dan seorang dalam keadaan tertiarap tidak bergerak. SP9 memecahkan cermin tingkap di bahagian hadapan rumah untuk masuk ke dalam dan membuka pintu hadapan dari dalam rumah tersebut. Di antara ruang tamu dan ruang dapur, SP9 telah menjumpai mayat seorang lelaki (Wong Mun Kin) dalam keadaan tertiarap dengan tangan dan kakinya diikat ke belakang dengan tali nylon.

[6] Sementara dua daripada lima anggota polis yang telah memasuki rumah tersebut mengawal di tingkat bawah, SP9 dan dua yang lain telah naik ke tingkat atas. Pemeriksaan di lakukan terhadap bilik-bilik di tingkat atas rumah tersebut yang membawa SP9 kepada bilik yang mempunyai pintu keluar ke bahagian balkoni. Bilik ini tidak berkunci. Daripada bilik ini SP9 bersama dua orang lagi anggota telah keluar melalui pintu tersebut untuk ke balkoni. Di tepi balkoni, mayat seorang perempuan (Kong Poh Chooi) telah ditemui dalam keadaan terbaring berlumuran darah dengan tangan dan kaki juga diikat. Di balkoni itu SP9 menjumpai perayu sedang duduk bertinggung bersembunyi di sebelah *compressor* hawa dingin.

[7] SP9 memperkenalkan diri sebagai polis dan mengarah perayu supaya jangan bergerak dan duduk, tetapi perayu tidak mengendahkan arahan SP9. Perayu telah bangun dan meminta polis menembaknya. SP9 telah meniarapkan perayu ke lantai dan memasang gari. Mengikut SP9, ketika itu perayu agak agresif dan melawan. Berlaku pergelutan di mana perayu mengalami kecederaaan. Selepas perayu digari, SP9 telah menjumpai satu beg hitam jenama Reaction ('eksh P24') yang berada di sisi sebelah kiri perayu ketika perayu duduk.

[8] Perayu didapati memakai dua lapis sarung tangan. Di bahagian luar, perayu memakai sarung tangan warna biru manakala di bahagian dalam, sarung tangan getah berwarna putih. Di bahagian atas kedua-dua sarung tangan biru, terdapat kesan macam dipotong. Kedua-dua sarung tangan yang dipakai di bahagian dalam dan luar mempunyai kesan merah dipercayai darah.

[9] SP9 membuat pemeriksaan ke atas beg eksh P24. Di dalam poket depan sebelah kiri beg tersebut, SP9 menjumpai satu beg duit jenama DKNY yang mengandungi:

(a) wang tunai RM3;

(b) kad pengenalan No 590410–08–6920 dengan lesen memandu atas nama Kong Poh Chooi;

(c) tiga keping kad CITI Bank Mastercard atas nama PC Kong; satu keping kad CITI Bank Visa atas nama PC Kong; dan

(d) satu kad Public Bank Premium Club atas nama Patrina K.

[10] Di dalam poket depan sebelah kanan, SP9 menjumpai:

(a) satu unit *handphone* jenama Samsung;

(b) serangkai 11 anak kunci;

(c) satu kunci kereta berlambang Mercedes;

(d) seutas rantai warna keemasan yang mempunyai kesan darah;

(e) sebilah pisau serbaguna yang juga mempunyai kesan seperti darah;

(f) serangkai empat anak kunci termasuk kunci motosikal Honda;

(g) satu beg duit jenama Crocodile warna gelap yang mengandungi wang tunai RM273; kad pengenalan atas nama Wong Mun Kin No 480123–10–5095; kad American Express atas nama MK Wong dan kad keahlian Taiping New Club atas nama MK Wong; dan

(h) satu sampul plastik warna merah jambu yang berisi kad pengenalan Lai Weng Kiat No 720123–08–558; lesen memandu atas nama Lai Weng Kiat; dua helai kertas putih yang mempunyai catatan (eksh P18A dan P19A) dan wang tunai RM3.

[11] Ekshibit P18A mengandungi catatan-catatan nombor dan huruf kenderaan di mana dua nombor adalah bagi kereta kepunyaan si mati Kong Poh Chooi iaitu WEL 9451 dan WBA 8152 manakala eksh P19A mengandungi catatan nombor kenderaan dan catatan 49 T. Indah, *time home* serta *Monday to Sunday* dalam tulisan seperti berikut:

(a) Mon — off

(b) Tue — 2100–2118

(c) Wed — (2155)–(2107)–2112

(d) Fri — (2150–2155) 2237

(e) Sat — 2059–2110

(f) Sun — 31/5–6/6 closed

[12] Di dalam zip tengah beg P24, SP9 menjumpai satu sarung tangan yang

ada kesan dipercayai darah; satu kain yang diikat getah yang juga ada kesan dipercayai darah dan satu jam tangan jenama Quartz.

[13] Pada 6 Julai 2005 SP9 bersama-sama anggota polis yang lain telah pergi ke alamat No 657, Lorong 40, Aulong, Taiping. Di rumah tersebut, yang dipercayai didiami oleh perayu berdasarkan alamat pada kad pengenalannya, anggota polis bertemu dengan bapa perayu, Lai Ah Onn. Hasil pemeriksaan di rumah tersebut, SP9 menjumpai dan merampas baki bahagian atas sarung tangan getah yang dipotong dari sarung tangan getah warna biru yang dipakai oleh perayu ketika ditangkap. Turut dijumpai dan dirampas ialah dua utas tali nylon yang berbentuk seperti tali pinggang saiz kecil warna hitam, merah, kuning dan hijau yang menyerupai tali yang terdapat pada kedua-dua si mati.

[14] Pada hari yang sama, SP9 juga menjumpai motosikal Honda C70 warna hitam, No ACD 2146 dalam keadaan berkunci. Dengan menggunakan anak kunci yang telah dirampas dari perayu, SP9 berjaya menghidupkan enjin motosikal itu. Jarak tempat motosikal perayu dijumpai dengan rumah tempat kejadian adalah lebih kurang 150 meter.

[15] Siasatan lanjut oleh pegawai penyiasat, ASP Seah Chong Seng (SP13) ke atas rumah tempat kejadian mendapati tingkat bawah bahagian belakang rumah tersebut adalah lebih tinggi daripada lorong belakang dengan dipisahkan satu tembok setinggi 1 meter daripada aras tanah tingkat bawah. Bumbung tembok ke lorong belakang adalah setinggi 4.3 meter ke aras tanah lorong belakang. Ketinggian beranda belakang di atas tanah lorong belakang adalah lebih kurang 7.8 meter.

[16] Di tingkat atas, di bilik tidur kedua yang boleh keluar ke beranda di mana mayat si mati Kong Poh Chooi di temui dan di mana perayu ditangkap, kayu sisi di bahagian kunci pintu didapati rosak atau terkopak dan kerosakan itu nampak baru. *Door stopper* juga mempunyai kesan pecah yang masih baru. Menurut SP13, kerosakan ini konsisten dengan pintu bilik ditendang dengan kuat menyebabkan *door stopper* pecah dan kayu bahagian kunci terkopak.

[17] Hasil siasatan SP13 tidak menjumpai cap jari orang lain di rumah tempat kejadian selain kedua-dua si mati dan perayu sahaja. SP13 telah cuba untuk mendapatkan contoh tulisan tangan perayu untuk dibuat perbandingan dengan tulisan yang terdapat di helaian kertas putih (ekhs P18A dan P19A) tetapi perayu enggan memberikan spesimen tulisan beliau.

[18] Menerusi keterangan ahli kimia (SP18) yang melakukan ujian DNA *profiling* dan juga menyediakan laporan kimia (eksh P87), didapati bahawa:

(a) sarung tangan berwarna biru (eksh P29B) mengandungi DNA Wong

Mun Kin dan sarung tangan (eksh P29C) mengandungi DNA bercampur iaitu Wong Mun Kin dan Kong Poh Chooi;

(b) Kasut yang dipakai perayu (eksh P33A) mengandungi DNA *profiling* Wong Mun Kin manakala sebelah lagi kasut yang dipakai oleh perayu mengandungi *profile* DNA yang bercampur iaitu Wong Mun Kin, Kong Poh Chooi dan perayu sendiri; dan

(c) Pisau (eksh P28B) yang dirampas dari beg hitam P24 mengandungi *profile* DNA Wong Mun Kin di bahagian matanya. Di bahagian pemegang pisau mengandungi DNA *profile* bercampur Kong Poh Chooi sebagai penyumbang utama dan Wong Mun Kin dan perayu sebagai penyumbang lain.

[19] Menurut keterangan Dato' Dr Bhupinder Singh, Pakar Perunding Kanan Forensik (SP17), sebab-sebab kematian si mati Wong Mun Kim adalah *asphyxia due to pressure on the neck* manakala bagi si mati Kong Poh Chooi, sebab kematian adalah *multiple stab wounds*. Keterangan SP17 dan laporan post mortem juga menunjukkan bahawa terdapat kecederaan yang serius di bahagian kepala si mati Wong Mun Kin akibat dari kesan hentakan yang kuat.

DAPATAN HAKIM BICARA

[20] YA hakim bicara mendapati bahawa pihak pendakwaan bergantung kepada peruntukan di bawah s 300(c) Kanun Keseksaan yang berbunyi:

> Except in the cases herein after excepted, culpable homicide is murder if it is done with the intention of causing bodily injury to any person, and the bodily injury intended to be inflicted is sufficient in the ordinary cause of nature to cause death.

[21] YA hakim bicara telah membincangkan elemen-elemen yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan di bawah s 300(c) seperti berikut:

(a) Wong Mun Kin dan Kong Poh Chooi telah mati;

(b) si mati-si mati telah mati akibat kecederaan yang dialami;

(c) kecederaan tersebut dilakukan oleh perayu;

(d) kecederaan tersebut telah dilakukan dengan niat untuk menyebabkan kecederaan tubuh kepada si mati; dan

(e) kecederaan yang dialami itu cukup pada lazimnya untuk menyebabkan kematian.

[22] YA hakim bicara mendapati bahawa pendakwaan telah membuktikan kematian dua orang tersebut. Mengenai elemen sama ada si mati telah mati

akibat kecederaan yang dialami, YA hakim bicara berpuas hati bahawa berdasarkan keterangan SP17, pihak pendakwaan telah membuktikan kecederaan kedua-dua si mati menjadi sebab langsung kepada kematian mereka dan tiada penyakit lain yang menyumbang kepada kematian tersebut. YA hakim bicara mendapati bahawa keterangan SP17 yang tidak dicabar menunjukkan tiada pemutusan rantaian atau *intervention* dari faktor lain yang menyumbang kepada kematian kedua-dua si mati.

[23] Pendakwaan di dalam kes ini bergantung kepada keterangan ikut keadaan. Sehubungan dengan itu, YA hakim bicara telah mempertimbangkan keterangan yang berikut:

(a) motif;

(b) sama ada pembunuhan kedua-dua si mati dan rompakan adalah dalam satu transaksi;

(c) persediaan (isu sarung tangan, tali, kehadiran perayu di kawasan kejiranan, nota alamat, nombor kereta dan lain-lain);

(d) keterangan di bawah s 8 Akta Keterangan 1950;

(e) keterangan berkaitan kesan darah dan DNA *profiling*;

(f) keterangan SP17 iaitu pisau P28B sesuai digunakan untuk menyebabkan 21 tikaman terhadap si mati Kong Poh Chooi yang berada di dalam milikan perayu;

(g) keterangan pakar patologi forensik;

(h) apakah ada kemungkinan yang munasabah wujud orang lain selain perayu yang menyebabkan kematian kedua-dua si mati;

(i) senjata yang digunakan untuk membunuh dalam milikan perayu;

(j) keengganan perayu memberi spesimen tulisan tangan;

(k) tiada kesan DNA orang lain yang tidak dikenali; dan

(l) semasa ditangkap, perayu berada di dalam rumah tempat kejadian dan semua tingkap dan pintu rumah tempat kejadian berkunci dari dalam.

[24] Di akhir kes pendakwaan, YA hakim bicara memutuskan bahawa semua keterangan yang telah dikemukakan menunjukkan hanya perayu sahajalah yang melakukan rompakan ke atas harta milik kedua-dua si mati dan semasa melakukan rompakan tersebut, perayu telah melakukan pembunuhan ke atas kedua-dua si mati. Setelah berpuas hati di atas penilaian yang maksima bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes prima facie bagi kedua-dua pertuduhan terhadap perayu, perayu telah dipanggil membela

diri.

KES PEMBELAAN

[25] Berikut adalah keterangan perayu yang diberi secara bersumpah. Pada tarikh dan masa yang berkenaan, perayu sedang ber*jogging* di Taman Lake View apabila beliau mendengar bunyi bising meminta tolong. Perayu hendak ke tempat kejadian untuk melihat apa yang berlaku.

[26] Sebelum perayu sampai ke tempat itu, perayu nampak seseorang lari keluar dari rumah itu. Pintu rumah itu tidak berkunci lalu perayu masuk ke dalam rumah. Perayu nampak seorang terbaring atas lantai berlumuran darah. Perayu memeriksa sama ada terdapat orang lain di dalam rumah itu. Perayu juga mengatakan beliau takut jika ada orang lain di dalam rumah dan di luar rumah, jadi perayu mengunci pintu rumah.

[27] Selepas perayu mengunci pintu rumah, perayu memeriksa sama ada orang yang terbaring itu masih bernyawa. Kemudian perayu naik ke tingkat atas untuk melihat sama ada terdapat sesiapa lagi di dalam rumah. Perayu nampak semua bilik di tingkat atas terbuka kecuali satu pintu bilik yang tertutup. Perayu cuba membuka pintu bilik yang tertutup itu tetapi tidak berjaya. Perayu mengatakan beliau cuba untuk membuka pintu yang tertutup itu kerana perayu nampak ada seorang lelaki di beranda. Perayu menendang pintu bilik itu dan pergi ke beranda dan nampak seorang terbaring di beranda berlumuran darah.

[28] Perayu bergerak ke tepi beranda dan nampak seseorang melompat ke bawah melalui tiang lampu. Selepas itu perayu pergi kepada orang yang terbaring dan memeriksa sama ada orang itu masih bernyawa. Kemudian perayu mendengar bunyi orang menendang pintu di tingkat bawah. Perayu tidak turun dan hanya duduk di tingkat atas kerana takut orang yang mencederakan kedua-dua penghuni rumah itu datang balik ke rumah tersebut. Perayu tidak tahu berapa orang yang menyerbu naik ke tingkat atas. Mereka menyuruh perayu menyerah dan seorang memegang pistol dan menghala kepada perayu. Perayu mengguna jari menunjuk ke belakang dan menyuruh orang yang memegang pistol menembak ke belakang untuk memberi amaran kepada orang yang telah lari ke belakang itu. Mereka meluru kepada perayu, menekan dan menggari perayu serta menutup kepala perayu dengan tuala. Mereka memeriksa badan perayu dan mengambil sesuatu daripada poket seluar perayu. Di dalam poket seluar perayu ada satu plastik diisi dengan kad pengenalan, lesen memandu dan wang tunai dan kunci motosikal perayu.

[29] Perayu tidak nampak apa berlaku kepada dua orang di dalam rumah itu.

Setelah perayu sampai, perayu hanya nampak mereka terbaring. Perayu mengakui memakai sarung tangan tetapi mengatakan selapis sahaja.

[30] Setelah membuat penganalisaan ke atas keterangan pembelaan, YA hakim bicara merumuskan bahawa pembelaan perayu hanya berbentuk penafian terhadap penglibatannya dalam pembunuhan kedua-dua si mati. YA hakim bicara membuat penemuan fakta bahawa hanya perayu sahaja berada di dalam rumah tempat kejadian sewaktu si mati wanita Kong Poh Chooi menjerit. Dapatan ini dibuat berdasarkan keterangan SP6 dan SP7 yang merupakan saksi pertama sampai di rumah tempat kejadian yang mana YA hakim bicara mendapati mereka adalah saksi-saksi yang *credible*. YA hakim bicara juga mendapati keterangan SP6 dan SP7 disokong oleh hasil siasatan SP13 di mana SP13 tidak menjumpai cap jari orang lain di dalam rumah tersebut kecuali cap jari perayu dan kedua-dua si mati sahaja.

[31] Merujuk kepada kes *Parlan bin Dadeh v Public Prosecutor* [2008] 6 MLJ 19; [2009] 1 CLJ 771, YA hakim bicara mengambil kira kelakuan perayu berkaitan tindakannya yang enggan ditahan dan bergelut dengan SP9 dan anggota-anggota serbuan sehingga menyebabkan perayu mendapat kecederaan dan keengganan perayu memberikan spesimen tulisannya kepada SP13 untuk tujuan perbandingan dengan tulisan yang terdapat di kertas P18A dan P19A yang mempunyai catatan-catatan berkaitan si mati.

[32] YA hakim bicara memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya tanpa keraguan yang munasabah. Perayu didapati bersalah dan dihukum gantung sampai mati, justeru rayuan di hadapan kami.

ALASAN RAYUAN

[33] Di dalam rayuan ini, isu-isu yang dibangkitkan oleh perayu adalah seperti berikut:

(a) YA hakim bicara khilaf kerana memindahkan beban pembuktian kepada perayu untuk memberi penjelasan;

(b) YA hakim bicara gagal menilai keterangan pakar forensik mengenai kemungkinan dua orang terlibat;

(c) YA hakim bicara gagal mengambil kira soal siasat yang dijalankan ke atas perayu;

(d) kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan hasil soal siasat;

(e) spesimen tulisan perayu;

(f) kegagalan pihak pendakwaan memanggil Yohana; dan

(g) kegagalan pihak pendakwaan menghantar beg P24 untuk analisa DNA.

BEBAN PEMBUKTIAN

[34] Isu mengenai beban pembuktian timbul daripada keputusan lisan YA hakim bicara di akhir kes pendakwaan yang tidak terdapat di dalam alasan penghakiman bertulisnya.

[35] Rekod rayuan tambahan menunjukkan bahawa pada 9 November 2012 YA hakim bicara telah membacakan keputusan 'seperti di Lampiran'. Paras 9–11 lampiran menyatakan:

> 9. Asas pembelaan, pihak pembelaan adalah pembunuhan ini dilakukan oleh orang ketiga. Peguambela terpelajar telah membangkitkan isu-isu antara lain:
>
> i) Pegawai penyiasat focus penyiasatan kepada pendakwaan sahaja tanpa menyiasat mengenai pihak ketiga
>
> ii) Pengambilan darah OKT untuk tujuan DNA tanpa keizinan OKT
>
> iii) Rampasan barang-barang OKT termasuk tali nylon dan sebahagian sarung tangan di rumah OKT tanpa kehadiran OKT atau penghuni rumah tersebut.
>
> 10. Mahkamah akan memberi penjelasan perkara-perkara di atas dalam alasan penghakiman sama ada keterangan-keterangan itu boleh diterima masuk atau tidak dan/atau keterangan itu telah memprejudiskan OKT.
>
> 11. Pada pendapat Mahkamah, jika tanpa keterangan tersebut pun OKT perlu memberi penjelasan menurut s 8 Akta Keterangan berikut:-
>
> i) kenapa OKT berada di dalam rumah tersebut
>
> ii) kenapa semua pintu dan tingkap berkunci dari dalam
>
> iii) kenapa beg P24, mengandungi kunci motosikal OKT, kad pengenalan OKT dan lesen memandu OKT, pisau P28B yang mempunyai kesan darah si mati wanita berada dalam milikan OKT
>
> iv) kenapa OKT meminta SP9 dan kumpulannya menembak dan melawan apabila hendak dipasangkan gari.

[36] Yang menjadi isu adalah perenggan 11 di atas yang menyebut mengenai keperluan perayu memberi penjelasan tetapi perkara yang sama tidak terdapat di dalam alasan penghakiman YA hakim bicara.

[37] Walaupun YA hakim bicara menyatakan di dalam keputusan lisannya bahawa perayu perlu memberi penjelasan, meneliti keseluruhan alasan penghakiman, kami berpendapat isu yang dibangkitkan oleh perayu ini adalah

tidak bermerit. Kami dapati tiada sebarang salah arah oleh YA hakim bicara mengenai beban pembuktian memandangkan pada akhirnya, YA hakim bicara telah memberi pertimbangan dan penilaian yang sewajarnya kepada keseluruhan kes pendakwaan di mana terdapat keterangan yang *credible* untuk memanggil perayu membela diri. Peruntukan s 180 Kanun Tatacara Jenayah telah dipatuhi.

[38] Berdasarkan penemuan barang-barang si mati iaitu beg duit, kad-kad kredit, kad-kad bank, wang tunai, kunci kereta Mercedes dan juga jam tangan di dalam beg hitam kepunyaan perayu, YA hakim bicara berpendapat perayu mempunyai motif untuk melakukan rompakan ke atas harta milik kedua-dua si mati. YA hakim bicara membuat inferens di bawah s 114(a) Akta Keterangan 1950 di mana semasa melakukan rompakan tersebut, perayu telah melakukan pembunuhan ke atas kedua-dua si mati. Merujuk kepada kes *Krishna Rao Gurumurthi & Anor v Public Prosecutor* [2007] 4 CLJ 643, YA hakim bicara membuat dapatan bahawa rompakan dan pembunuhan oleh perayu adalah merupakan bahagian yang sama (*integral part*) dan berlaku dalam satu transaksi yang sama.

KEGAGALAN MENILAI KETERANGAN SP17

[39] YA Hakim bicara dikatakan gagal menilai keterangan pakar forensik SP17, di mana di dalam pemeriksaan balas telah memberi keterangan berikut:

> I was not taken to the scene of the crime … I never shown with these photos. If I were to be taken to the scene, looking at the measurement of the house, blood spread body found, I might give my opinion how many perpetrators involved in this crime.
>
> Looking at the patent (*sic*) of killing, photos where the body was found, the tiring (*sic*) up of the individuals, I would suggest there were one or more perpetrators involved here.
>
> Looking at all the positions of the case through photos, I don't agree that there were 2 or more persons involved here. I only say just now of possibility involving one plus one person.

[40] Kami dapati YA hakim bicara telah menilai keterangan SP17 mengenai kemungkinan terdapatnya dua orang yang terlibat dalam melakukan pembunuhan ini. Berikut adalah dapatan YA hakim bicara:

> 61. Bagi menyokong kes pembelaan, peguambela terpelajar berhujah bahawa pembunuhan ini dilakukan oleh lebih daripada seorang berdasarkan keterangan SP17 dimuka surat 203 nota keterangan iaitu:
>
> *Looking at the patent of killing, photos where the body was found, the tiring up of the individual, I would suggest there were one or more perpetrators involved here.*

62. Saya tidak dapat bersetuju dengan hujahan peguambela terpelajar kerana SP17 dimukasurat yang sama telah menjelaskan seperti berikut:

Looking at all positions of the case through phots, I don't agree that there were 2 or more persons involved here. I only say just now of possibility involving one plus one person.

[41] Dapatan di atas tidak bertentangan dengan keterangan SP17. Ini kerana SP17 tidak menyatakan secara pasti bahawa dua orang terlibat di dalam pembunuhan ini. Apa yang dinyatakan oleh pakar forensik itu adalah *one or more perpetrators involved here*. Justeru, kami dapati isu mengenai penilaian keterangan SP17 adalah tidak bermerit.

SOAL SIASAT KE ATAS PERAYU

[42] Berdasarkan keterangan SP8 dan SP9 yang menyatakan bahawa soal siasat telah dijalankan ke atas perayu dalam masa lebih kurang 2 jam dan soal siasat dijalankan bagi mendapatkan, antara lain, maklumat rakan sejenayah, dihujahkan oleh peguambela bijaksana bahawa YA hakim bicara telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal mengambil kira keterangan soal siasat mengenai kewujudan rakan sejenayah dan bahawa pihak pendakwaan cuba mengekang (*suppress*) keterangan dengan tidak membuat catitan mengenai soalan dan jawapan bagi soal siasat itu.

[43] Adalah pendapat kami bahawa ketiadaan catitan mengenai soal siasat bukanlah suatu cubaan oleh pihak pendakwaan untuk *suppress* keterangan dan bukan juga suatu yang membawa padah kepada kes pendakwaan. Kami seterusnya berpendapat bahawa s 114(g) Akta Keterangan 1950 adalah tidak terpakai terhadap pihak pendakwaan bagi kegagalan mengemukakan hasil soal siasat. Mengambil kira pembelaan perayu bahawa beliau tidak terlibat dengan jenayah yang dipertuduhkan, isu mengenai rakan sejenayah tidak timbul.

[44] Demikian juga berkenaan isu kegagalan memanggil Yohana sebagai saksi. Berdasarkan keterangan SP7, Yohana hanya berada di depan rumahnya sendirinya dan bukannya di depan rumah tempat kejadian. Tiada apa-apa keterangan yang menunjukkan peranan Yohana selain daripada namanya disebut oleh SP7 sebagai dilihat telah berada dipintu pagar rumahnya. Dalam keadaan itu kami berpendapat Yohana bukanlah saksi yang material dan kegagalan pihak pendakwaan memanggil Yohana tidak menjejaskan kes pendakwaan (sila lihat *Munusamy v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 492).

KETERANGAN BAD CHARACTER PERAYU DAN KEENGGANAN PERAYU MEMBERI SPESIMEN TULISAN TANGAN

[45] SP8 telah memberi keterangan tentang maklumat yang diterima mengenai kehadiran perayu di kawasan kejiranan tempat kejadian pada 29 Jun 2006 manakala SP13 pula ada memberi keterangan tentang keengganan perayu memberikan spesimen tulisan tangannya kepada SP13. Merujuk kepada s 54 Akta Keterangan dan kes *Public Prosecutor v Dato' Seri Anwar bin Ibrahim & Anor* [2001] 3 MLJ 193; [2001] 3 CLJ 313 dan *Kiew Foo Mui & Ors v Public Prosecutor* [1995] 3 MLJ 505; [1996] 1 CLJ 14, dihujahkan oleh peguambela bijaksana bahawa YA hakim bicara khilaf apabila menerima dan membenarkan kemasukan keterangan *propensity* ataupun *bad character* terhadap perayu.

[46] Sekali lagi kami berpendapat isu yang ditimbulkan ini tidak bermerit. Keterangan mengenai kehadiran perayu di kejiranan tempat kejadian pada pendapat kami bukanlah keterangan mengenai *bad character* perayu di bawah s 54 Akta Keterangan 1950. Dilihat bersama keterangan mengenai helaian kertas catatan yang mempunyai nombor kereta si mati dan alamat tempat kejadian yang didapati daripada milikan perayu pada masa beliau ditangkap di tempat kejadian, kami berpendapat YA hakim bicara tidak khilaf dalam membuat dapatan bahawa kehadiran perayu di kawasan kejiranan seminggu sebelum pembunuhan berlaku adalah merupakan perancangan dan persediaan yang rapi yang dilakukan oleh perayu sebelum melakukan rompakan ke atas kedua-dua si mati.

[47] Kami selanjutnya berpendapat bahawa YA hakim bicara tidak khilaf dalam memutuskan bahawa kelakuan perayu yang bergelut dengan anggota polis ketika ditangkap dan keengganan perayu memberikan spesimen tulisannya untuk dibuat perbandingan dengan tulisan pada eksh P18A dan P19A adalah keterangan yang boleh diterima masuk di bawah s 8 Akta Keterangan 1950. YA hakim bicara tidak tersasar dari segi fakta atau undang-undang dalam menyatakan bahawa keengganan perayu memberikan spesimen tulisannya memberi petunjuk bahawa perayu adalah orang yang menulis P18A dan P19A.

[48] Dalam apa keadaan pun, kehadiran perayu di kawasan kejiranan seminggu sebelum kejadian dan catatan-catatan di dalam P18A dan P19A bukanlah satu-satunya keterangan ikut keadaan yang menjadi asas dapatan bersalah dan sabitan terhadap perayu oleh YA hakim bicara. Kehadiran perayu di tempat kejadian pada waktu yang material bersama barang-barang milik kedua-dua si mati di dalam beg perayu berserta penemuan cap jari dan DNA perayu adalah merupakan keterangan ikut keadaan yang lebih penting.

[49] Akhirnya mengenai kegagalan menghantar beg P24 untuk analisa DNA. Kami berpendapat kegagalan pihak pendakwaan untuk menghantar beg tersebut kepada ahli kimia untuk dianalisa juga tidak menjejaskan kes pendakwaan. Perayu tidak menafikan kewujudan beg jenama Reaction yang ditanda P24 itu. Borang bongkar (eksh P73) yang ditandatangani perayu jelas menunjukkan beg hitam jenama Reaction adalah salah satu barang yang dirampas daripada perayu. Kesahihan borang bongkar tidak dicabar oleh perayu. Di dalam pemeriksaan balas ke atas SP13, apa yang dicadangkan oleh peguambela bijaksana adalah bahawa jika sarung tangan yang dipakai perayu mempunyai kesan darah, sudah pasti beg yang dipegang perayu juga mempunyai kesan darah. Pemeriksaan balas tidak mengatakan bahawa beg P24 tidak pada bila-bila masa berada dengan perayu.

[50] Berdasarkan keterangan yang ada, kami bersetuju dengan YA hakim bicara bahawa perayu gagal menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Perayu mengatakan sebelum beliau sampai ke tempat kejadian, beliau nampak seseorang lari keluar dari rumah itu. Persoalannya ialah, bagaimana perayu boleh nampak seseorang lari keluar dari rumah itu apabila perayu sendiri belum sampai ke rumah tersebut. Adalah juga tidak munasabah untuk perayu yang hanya mendengar jeritan minta tolong dari tempat beliau ber*jogging* mengetahui secara pasti jeritan datang dari rumah yang mana. Perlu diberi perhatian bahawa keterangan jiran si mati iaitu SP7 dan pengawal keselamatan SP6 adalah bahawa sebaik mendengar jeritan, mereka terus menuju ke tempat kejadian. SP7 mahupun SP6 tidak nampak sesiapa masuk atau keluar dari rumah tersebut semasa mereka sampai di sana.

[51] Seterusnya perayu mengatakan beliau mengunci rumah kerana takut orang yang mencederakan kedua-dua penghuni rumah tersebut datang kembali. Alasan yang sama diberikan untuk perayu terus duduk di tingkat atas walaupun mendengar ada orang menendang pintu di tingkat bawah. Perasaan takut yang dinyatakan oleh perayu ini, jika benar, adalah tidak konsisten dengan tindakan perayu memecah pintu bilik di tingkat atas dengan alasan perayu nampak seorang lelaki di beranda. Amatlah tidak munasabah untuk perayu yang ketakutan dan ingin menyembunyikan diri daripada orang yang mencederakan itu, di masa yang sama bertindak membuka pintu seolah-olah ingin melihat dan bersemuka pula dengan orang yang berkenaan.

[52] Selanjutnya adalah juga tidak munasabah bahawa perayu, jika benar pergi ke tempat kejadian untuk melihat apa yang berlaku, tidak pula mengambil sebarang tindakan seperti meminta tolong kepada jiran-jiran setelah mendapati keadaan kedua-dua si mati di rumah tersebut.

[53] Kesimpulannya, kami berpendapat sabitan terhadap perayu adalah selamat. Keterangan ikut keadaan yang ada adalah cukup kuat untuk

mengaitkan perayu dengan kematian kedua-dua si mati (lihat *Magendran a/l Mohan v Public Prosecutor* [2011] 6 MLJ 1; [2011] 1 CLJ 805). Oleh yang demikian, kami sebulat suara menolak rayuan perayu dan mengekalkan sabitan dan hukuman oleh Mahkamah Tinggi.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamed